



# PROSEDUR OPERASI STANDARD PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

SOP 01

VERSI 1-2018



# **PROSEDUR OPERASI STANDARD PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

No. Rujukan	SOP 01
Tarikh Kuatkuasa	
Bil. Versi	VERSI 1-2018
Disediakan Oleh	JAWATANKUASA HAL EHWAL KORPORAT DAN KEWANGAN
Diluluskan Oleh	LEMBAGA DALAM MESYUARAT BIL:

# **PROSEDUR OPERASI STANDARD PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

## **1. PENDAHULUAN**

Akta Ahli Geologi 2008 merupakan suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Ahli Geologi (selepas ini disebut sebagai Lembaga) dan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ahli geologi, pengawalseliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

## **2. OBJEKTIF**

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan memberikan panduan kepada staf Lembaga yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pendaftaran ahli geologi untuk melaksanakan tugas mereka dengan cekap, berkesan dan teratur.

## **3. SKOP**

- (a) Prosedur ini digunakan oleh Pendaftar dan semua staf Lembaga yang terlibat dengan urusan pendaftaran Ahli Geologi.
- (b) Ia perlu dikemaskini dari masa ke semasa selaras dengan keputusan mesyuarat Lembaga.

## **4. TAFSIRAN**

- (a) “ahli geologi profesional berdaftar” ertinya ahli geologi profesional yang didaftarkan di bawah subseksyen 20(3) Akta.
- (b) “ahli geologi siswazah berdaftar” ertinya ahli geologi siswazah yang didaftarkan dibawah subseksyen 20(1) Akta.
- (c) “ahli geologi asing berdaftar” ertinya ahli geologi yang bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia yang didaftarkan dibawah subseksyen 22(1) Akta.
- (d) “Daftar” ertinya Daftar Ahli Geologi yang disimpan dan disenggarakan oleh Lembaga di bawah seksyen 19 Akta.
- (e) “Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Hal Ehwal Korporat dan Kewangan (JHKK) yang ditubuhkan di bawah seksyen 14 Akta.

- (f) "Lembaga" ertinya Lembaga Ahli Geologi yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(1) Akta.
- (g) "Pendaftar" ertinya Pendaftar Ahli Geologi yang dilantik di bawah seksyen 29 Akta.
- (h) "pendaftaran baru" ertinya setiap permohonan baru untuk proses pendaftaran.
- (i) "pendaftaran semula" ertinya ahli geologi yang telah tamat tempoh sijil perakuan dan perlu didaftar semula bagi tempoh tahun berikutnya.
- (j) "pengamal berdaftar" ertinya seseorang yang telah mengamalkan profesion geologi sebelum tarikh penubuhan Lembaga dan didaftarkan di bawah subseksyen 21(1).

## 5. DOKUMEN RUJUKAN

- (a) Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)
- (b) Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015

## 6. PERMOHONAN PENDAFTARAN

- (a) Carta alir proses pendaftaran adalah seperti di Lampiran 1.
- (b) Seseorang yang mahu supaya didaftarkan sebagai ahli geologi berdaftar boleh memohon kepada Lembaga dan permohonan itu hendaklah disokong dengan bukti dokumen bahawa dia memiliki kelayakan yang dikehendaki di bawah seksyen ini. Mereka boleh didaftarkan sebagai:
  - (i) seorang ahli geologi siswazah berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta;
  - (ii) seorang ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(a) Akta;
  - (iii) seorang ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(b) Akta; dan
  - (iv) seorang ahli geologi asing berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta.
- (c) Tiada permohonan baru akan dipertimbangkan bagi pendaftaran seorang ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta dan seorang pengamal berdaftar di bawah subseksyen 21(3) Akta.

- (d) Permohonan bagi pendaftaran boleh dibuat sepanjang tahun.
- (e) Setiap permohonan bagi pendaftaran sebagai seorang ahli geologi siswazah berdaftar, ahli geologi profesional berdaftar atau ahli geologi asing berdaftar hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dengan menggunakan borang permohonan yang sesuai seperti disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015 (rujuk Lampiran 2).
- (f) Setiap permohonan dikenakan fi tertentu seperti disenaraikan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015 (rujuk Lampiran 3). Semua fi hendaklah dibayar mengikut peraturan yang ditetapkan. Bayaran boleh dibuat secara tunai di pejabat berdaftar Lembaga, melalui kiriman wang, draf bank, atau cek atas nama Lembaga atau secara atas talian.
- (g) Permohonan juga perlu disertakan bersama maklumat dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti dalam Senarai Semak di Lampiran 4. Pihak Lembaga boleh meminta maklumat tambahan jika difikirkan perlu.
- (h) Pemohon boleh menghantar sendiri borang permohonan ke pejabat Lembaga atau menghantarnya melalui pos.
- (i) Bagi pembaharuan pendaftaran, sila rujuk perkara 7(e) di bawah. Bagi pendaftaran semula, sila rujuk perkara 7(f) di bawah.

## 7. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

	Tugasan	Tanggungjawab
<b>(a) Penerimaan Permohonan</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Borang permohonan diterima dan dicop tarikh penerimaan.</li> <li>(ii) Pastikan bayaran fi proses sebanyak RM50.00 diperolehi. Setelah diterima secara tunai atau pindahan bank, keluarkan resit bayaran fi proses kepada individu berkenaan. Bayaran melalui cek, hendaklah ditunggu sehingga wang telah dimasukkan ke akaun sebelum resit bayaran dikeluarkan.</li> <li>(iii) Borang dan dokumen disemak bagi memastikan ianya lengkap. Jika tidak lengkap pemohon perlu dihubungi supaya permohonan dapat disempurnakan.</li> </ul>	Urusetia / Pendaftar

	<p>(iv) Hantar kenyataan akuan penerimaan kepada pemohon setelah permohonan lengkap.</p> <p>(v) Maklumat tertentu dimasukkan ke sistem pangkalan data Lembaga (BoGMIS).</p> <p>(vi) Permohonan diteliti dan ditentukan ianya memenuhi keperluan syarat pendaftaran mengikut kategori masing-masing. Permohonan yang jelas mengikut kriteria yang diperlukan dengan permohonan yang kurang jelas dengan isu tertentu diasingkan untuk pandangan Jawatankuasa.</p>	
<b>(b)</b>	<b>Pertimbangan dan Penilaian Pendaftaran</b>	
	<p>(i) Permohonan-permohonan baru disenaraikan dan diserahkan oleh Pendaftar kepada Jawatankuasa untuk pertimbangan penilaian teknikal selanjutnya mengikut format seperti di Lampiran 5.</p> <p>(ii) Bagi permohonan yang diperaku, sediakan minit perakuan Jawatankuasa.</p> <p>(iii) Bagi permohonan yang memerlukan penjelasan tambahan, dapatkan penjelasan tambahan daripada pemohon.</p> <p>(iv) Permohonan kemudiannya akan diangkat oleh Jawatankuasa kepada Lembaga mengikut format seperti di Lampiran 5 untuk pertimbangan.</p> <p>(v) Maklumkan kepada pemohon keputusan Lembaga:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi pemohon yang berjaya, maklumkan keperluan membayar fi pendaftaran mengikut kategori masing-masing dalam tempoh 2 bulan.</li> <li>• Bagi pemohon yang gagal, nyatakan sebab-sebab permohonan ditolak.</li> </ul> <p>(vi) Setiap pemohon perlu dimaklumkan mengenai keputusan Lembaga dalam kadar segera dan tidak melebihi 1 bulan daripada tarikh keputusan Lembaga.</p> <p>(vii) Pemohon yang telah membayar fi pendaftaran dimaklumkan melalui hantaran resit bayaran fi.</p> <p>(viii) Bayaran fi direkod dalam sistem pangkalan data dan nombor pendaftaran ahli geologi berdaftar dikeluarkan.</p>	Urusetia / Pendaftar  Jawatankuasa  Urusetia / Pendaftar  Pengerusi Jawatankuasa  Urusetia / Pendaftar  Lembaga  Lembaga  Urusetia

	<p>(ix) Segala surat dan dokumen pendaftaran disediakan.</p> <p>(x) Bagi mereka yang perlu menghadiri peperiksaan atau temuduga seperti yang disyaratkan oleh Lembaga, persiapan selanjutnya perlu disediakan.</p> <p>(xi) Tarikh dan tempat peperiksaan/temuduga hendaklah ditentukan di samping menyediakan dokumen berkaitan. Panel temuduga/peperiksaan perlu dilantik.</p> <p>(xii) Surat makluman berkaitan temuduga/peperiksaan dikeluarkan kepada pemohon dan panel yang terlibat, selewat-lewatnya 2 minggu sebelum ianya berlangsung.</p> <p>(xiii) Keputusan peperiksaan/temuduga diperolehi daripada panel untuk penyiaran kelulusan pendaftaran.</p> <p>(xiv) Pemberitahuan keputusan dihantar kepada pemohon. Bagi yang mendapat kelulusan, hendaklah membayar fi pendaftaran dalam masa 2 bulan dari tarikh diluluskan.</p> <p>(xv) Sebaik sahaja fi pendaftaran dibayar, resit bayaran dikeluarkan dan maklumat direkod dalam sistem pangkalan data.</p> <p>(xvi) Nombor pendaftaran mengikut aturan diperolehi daripada sistem pangkalan data Lembaga.</p> <p><b>Peringatan:</b> Setiap permohonan pendaftaran hendaklah diputuskan oleh Lembaga dalam tempoh 90 hari dari tarikh penerimaan permohonan tersebut.</p>	Urusetia Urusetia
<b>(c)</b>	<b>Urusan Selepas Pendaftaran</b>	
	<p>(i) Bagi pendaftaran pertama, dokumen yang perlu dihantar melalui pos/kurier adalah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• surat iringan</li> <li>• sijil Perakuan Pendaftaran</li> <li>• risalah kod etika</li> <li>• surat pekeliling berkaitan</li> </ul> <p>(ii) Untuk pembaharuan Perakuan Pendaftaran, dokumen berikut perlu dihantar melalui kurier/pos</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• surat iringan</li> <li>• sijil Perakuan Pendaftaran baru</li> </ul>	

	<p>(iii) Kemaskini pendaftaran dalam Buku Daftar Ahli Geologi.</p> <p>(iv) Kemaskini maklumat dan data dalam sistem pangkalan data Lembaga.</p> <p>(v) Semua dokumen bagi setiap pemohon dikumpul dan disimpan dalam fail peribadi masing-masing mengikut kategori. Ianya disusun mengikut nombor siri pendaftaran. Kumpulan fail peribadi tersebut disimpan dalam kabinet untuk rujukan bila perlu.</p> <table border="0"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;"><u>Warna</u></th><th style="text-align: left;"><u>Kategori</u></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Fail Hijau</td><td>- Ahli Geologi Profesional Berdaftar di bawah subseksyen 20(3) Akta</td></tr> <tr> <td>Fail Biru</td><td>- Ahli Geologi Siswazah Berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta</td></tr> <tr> <td>Fail Merah</td><td>- Ahli Geologi Asing Berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta</td></tr> <tr> <td>Fail Hitam</td><td>- Pengamal Berdaftar di bawah subseksyen 21(3) Akta</td></tr> <tr> <td>(vi)</td><td>Maklumat senarai ahli geologi berdaftar di dalam laman web dikemaskini pada setiap bulan.</td></tr> <tr> <td>(vii)</td><td>Setiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamat perniagaannya dalam masa 60 hari dari tarikh pertukaran itu [Seksyen 32 Akta].</td></tr> </tbody> </table>	<u>Warna</u>	<u>Kategori</u>	Fail Hijau	- Ahli Geologi Profesional Berdaftar di bawah subseksyen 20(3) Akta	Fail Biru	- Ahli Geologi Siswazah Berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta	Fail Merah	- Ahli Geologi Asing Berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta	Fail Hitam	- Pengamal Berdaftar di bawah subseksyen 21(3) Akta	(vi)	Maklumat senarai ahli geologi berdaftar di dalam laman web dikemaskini pada setiap bulan.	(vii)	Setiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamat perniagaannya dalam masa 60 hari dari tarikh pertukaran itu [Seksyen 32 Akta].	
<u>Warna</u>	<u>Kategori</u>															
Fail Hijau	- Ahli Geologi Profesional Berdaftar di bawah subseksyen 20(3) Akta															
Fail Biru	- Ahli Geologi Siswazah Berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta															
Fail Merah	- Ahli Geologi Asing Berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta															
Fail Hitam	- Pengamal Berdaftar di bawah subseksyen 21(3) Akta															
(vi)	Maklumat senarai ahli geologi berdaftar di dalam laman web dikemaskini pada setiap bulan.															
(vii)	Setiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamat perniagaannya dalam masa 60 hari dari tarikh pertukaran itu [Seksyen 32 Akta].															
<b>(d)</b>	<b>Perakuan Pendaftaran</b>															
	<p>(i) Perakuan Pendaftaran sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli geologi siswazah berdaftar</li> <li>• ahli geologi profesional berdaftar</li> <li>• pengamal berdaftar</li> <li>• ahli geologi asing berdaftar</li> </ul> <p>adalah sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga Peraturan (Lampiran – Borang A, B, C, D).</p> <p>(ii) Perakuan pendaftaran hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas menerima fi yang ditetapkan.</p>															

	<p>(iii) Tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah tamat tempohnya pada 31 Disember tahun perakuan pendaftaran itu dikeluarkan dan hendaklah selepas itu boleh dibaharui secara tahunan setelah dibayar fi pembaharuan yang ditetapkan.</p> <p>(iv) Keluarkan resit fi pendaftaran setelah pembayaran disahkan.</p> <p>(v) Hantar kepada pemohon perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat iringan</li> <li>• Resit bayaran fi pendaftaran</li> <li>• Sijil BoG</li> <li>• Kod etika BoG</li> <li>• Pekeliling cop rasmi</li> </ul> <p>(vi) Kemaskini maklumat dalam pangkalan data, fail peribadi dan laman sesawang.</p> <p>(vii) Keluarkan surat peringatan jika pemohon tidak membayar fi pendaftaran selepas sebulan pemakluman kelulusan diberikan.</p> <p>(viii) Keluarkan surat pemakluman bahawa permohonan dianggap telah ditarik balik dan dibatalkan jika pemohon gagal membayar fi pendaftaran selepas dua (2) bulan pemakluman kelulusan diberikan. Walau bagaimanapun, ianya tidak menjaskan hak pemohon untuk membuat permohonan baru.</p>	
<b>(e)</b>	<b>Pembaharuan Pendaftaran</b>	
	<p>(i) Keluarkan notis makluman pembaharuan pendaftaran pada minggu pertama Disember tahun berkenaan mengenai tarikh akhir pembaharuan pada 31 Januari tahun berikutnya.</p> <p>(ii) Keluarkan notis makluman kedua pembaharuan pendaftaran pada minggu pertama bulan Januari tahun berikutnya mengenai tarikh akhir pembaharuan pada 31 Januari tahun yang sama.</p> <p>(iii) Perakuan pendaftaran hendaklah dikeluarkan dalam tempoh empat belas hari bekerja selepas pemohon membayar fi pembaharuan pendaftaran.</p> <p>(iv) Keluarkan resit fi pendaftaran.</p>	

	<p>(v) Hantar kepada pemohon perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat iringan</li> <li>• Resit bayaran fi pendaftaran</li> <li>• Sijil BoG</li> </ul> <p>(vi) Kemaskini maklumat dalam pangkalan data dan fail peribadi.</p>	
(f)	<p><b>Kemasukan Semula</b></p> <p>(i) Kemasukan semula ahli yang tidak membaharui pendaftaran di bawah subseksyen 35(2) Akta:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan kemasukan semula hendaklah dibuat kepada Pendaftar secara bertulis pada atau sebelum 31 Januari tahun tamat pendaftarannya.</li> <li>• Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang G dan disertakan dengan fi.</li> <li>• Semak status sama ada melebihi 3 tahun atau tidak. Sekiranya kurang daripada 3 tahun, nama pemohon hendaklah dimasukkan semula setelah dia membayar fi yang ditetapkan.</li> </ul> <p>(ii) Kemasukan semula ahli yang tidak membaharui pendaftaran di bawah subseksyen 35(3) Akta:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya melebihi 3 tahun berturut-turut, permohonan kemasukkan semula hendaklah dibuat kepada Lembaga menggunakan Borang H.</li> <li>• Nama pemohon hendaklah dimasukkan semula setelah Lembaga berpuas hati dengan sebab-sebab kemasukan semula dan dia membayar fi yang ditetapkan.</li> <li>• <b>Semak fi mencukupi iaitu fi bagi tahun-tahun yang lepas dan fi kemasukan semula seperti dalam Jadual 2 Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015.</b></li> <li>• Sekiranya lengkap, nama pemohon dimasukkan semula dengan nombor perakuan pendaftaran yang baru.</li> <li>• Kemaskini pangkalan data dan senarai daftar.</li> </ul>	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarkan resit dan sijil pendaftaran kepada pemohon.</li> </ul> <p>(iii) Kemasukan semula di bawah subseksyen 35(4):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan kemasukan semula hendaklah dibuat kepada Lembaga menggunakan Borang I.</li> <li>• Permohonan tersebut hendaklah dibuat selepas tamat tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dari tarikh perintah pembatalan atau dari tarikh keputusan rayuan atau dari tarikh rayuan ditarik balik, yang mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.</li> <li>• Setelah mendapat kelulusan Lembaga, nama pemohon boleh dimasukkan semula dengan nombor perakuan pendaftaran yang baru setelah dia membayar fi yang ditetapkan.</li> <li>• Kemaskini pangkalan data dan senarai daftar.</li> <li>• Keluarkan sijil perakuan pendaftaran kepada pemohon.</li> </ul>	
--	---	--

## 8. REKOD PENDAFTARAN

Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Ahli Geologi mengikut seksyen 19 Akta seperti berikut:

- (a) Bahagian A - mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain Ahli Geologi Profesional Berdaftar.
- (b) Bahagian B - mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain Ahli Geologi Siswazah Berdaftar.
- (c) Bahagian C - mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain Pengamal Berdaftar.
- (d) Bahagian D - mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain Ahli Geologi Asing Berdaftar.

## **9. PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI SISWAZAH BERDAFTAR**

### **(a) Keperluan**

Warganegara atau pemastautin tetap Malaysia yang memegang kelayakan dalam bidang geologi yang diterima oleh Lembaga berhak untuk didaftarkan sebagai Ahli Geologi Siswazah Berdaftar [Seksyen 20 Akta].

### **(b) Cara Memohon**

- (i) Borang A (seperti di Lampiran) hendaklah diisi dengan lengkap. Borang A boleh didapati dari pejabat Pendaftar atau dimuat turun dari laman web Lembaga.
- (ii) Sertakan gambar saiz pasport terkini.
- (iii) Salinan Ijazah bidang geologi yang disahkan. Ijazah dari luar negara yang menggunakan bahasa ibunda (selain bahasa Inggeris) hendaklah disertakan terjemahan.
- (iv) Salinan transkrip akademik yang disahkan, jika diperlukan. Salinan mestilah yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.
- (v) Salinan kad pengenalan (sila palangkan “Untuk Kegunaan BoG” Sahaja).
- (vi) Bayaran proses pendaftaran sebanyak RM50.00. Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran proses tidak akan diambil tindakan. Bayaran boleh dibuat secara tunai/wang pos/kiriman wang/draf bank/cek/pindahan wang melalui internet atau ATM, atas nama Lembaga Ahli Geologi. Sila sertakan slip bank sebagai bukti pembayaran dan untuk kemudahan semakan.

Nota:

- Ijazah geologi yang tidak diiktiraf oleh BoG hendaklah ditingkatkan dengan Ijazah sarjana / Phd dalam bidang geologi dari Universiti yang diiktiraf.
- Semua salinan dokumen yang dikemukakan boleh disahkan oleh Pegawai Kerajaan / Pesuruhjaya Sumpah / Ketua Unit Sumber Manusia tempat bertugas / Pendaftar Lembaga. Pegawai yang mengesahkan salinan dokumen, selain dari tandatangan perlu juga nyatakan nama dan jawatan.

- Hanya permohonan yang lengkap akan diuruskan pendaftaran dalam tempoh 90 hari.
- Semua permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pendaftar  
Lembaga Ahli Geologi Malaysia  
d/a Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia  
Aras 8, Menara PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia.

### **(c) Proses Penilaian**

- (i) Proses penilaian permohonan bermula apabila permohonan yang dikemukakan adalah lengkap, termasuk bayaran fi proses.
- (ii) Semakan permohonan dibuat terhadap keperluan maklumat yang diisi dan kelayakan akademik pemohon. Sekiranya pemohon tertinggal atau tersilap isi maklumat, pemohon akan dihubungi untuk melengkapannya atau membuat pembetulan.
- (iii) Kelayakan akademik disemak sama ada ijazah diiktiraf atau ‘accredited’.
- (iv) Apabila permohonan telah siap disemak dan memenuhi kriteria, permohonan disenaraikan untuk pertimbangan JHKK dan seterusnya kepada Lembaga untuk pengesyoran kelulusan pendaftaran.

## **10. PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR**

### **(a) Keperluan**

Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia yang memenuhi salah satu keperluan berikut berhak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar:

- (i) Seorang ahli geologi siswazah berdaftar:
  - Telah berdaftar sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai seorang ahli geologi siswazah berdaftar;
  - Telah memperoleh pengalaman amali yang diluluskan oleh Lembaga; dan
  - Telah lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga di bawah subseksyen 20(2).

- (ii) Seseorang yang tidak memegang kelayakan yang dikehendaki oleh Lembaga:
- Memegang ijazah dalam bidang geologi yang tidak diluluskan oleh Lembaga
  - Telah lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga; dan
  - Telah memperoleh pengalaman amali selama tidak kurang dari 10 tahun secara berterusan dalam bidang yang diluluskan oleh Lembaga.

**(b) Kekecualian bagi permohonan sebagai ahli geologi profesional berdaftar**

- (i) Selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 20(6) Akta, Lembaga boleh menimbangkan permohonan seseorang yang telah lama menjalankan amalan geologi untuk memohon sebagai ahli geologi profesional berdaftar secara terus tertakluk kepada kriteria berikut:
- Perlu memohon terlebih dahulu sebagai ahli geologi siswazah berdaftar menggunakan Borang A
  - Memegang ijazah dalam bidang geologi yang diluluskan oleh Lembaga
  - Telah memperoleh pengalaman amali selama tidak kurang dari [7] tahun secara berterusan dalam bidang yang diluluskan oleh Lembaga
  - Telah lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga
- (ii) Jawatankuasa akan menilai permohonan terlebih dahulu dan membuat cadangan untuk pertimbangan Lembaga.
- (iii) Selepas mendapat kelulusan Lembaga, pemohon akan diminta untuk mengisi Borang B tanpa dikenakan bayaran fi pemprosesan permohonan pendaftaran.

**(c) Cara Memohon**

- (i) Bagi mereka yang memenuhi mana-mana keperluan di atas, permohonan mestilah menggunakan Borang B (seperti di Lampiran). Isikan borang berkaitan dengan lengkap. Borang B boleh didapati dari pejabat Pendaftar atau dimuat turun dari laman web Lembaga.

- (ii) Sertakan gambar saiz passport terkini.
- (iii) Salinan dokumen lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga.
- (iv) Salinan Ijazah bidang geologi yang disahkan. Ijazah dari luar negara yang menggunakan bahasa ibunda (selain bahasa inggeris) hendaklah disertakan terjemahan.
- (v) Salinan transkrip akademik yang disahkan, jika diperlukan. Salinan mestilah yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.
- (vi) Salinan kad pengenalan (sila palangkan “Untuk Kegunaan BoG” Sahaja).
- (vii) Laporan CV pengalaman kerja.
- (viii) Bayaran proses pendaftaran sebanyak RM50.00. Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran proses tidak akan diambil tindakan. Bayaran boleh dibuat secara tunai/wang pos/kiriman wang/draf bank/cek/pindahan wang melalui internet atau ATM, atas nama Lembaga Ahli Geologi. Sila sertakan slip bank sebagai bukti pembayaran dan untuk kemudahan semakan.

Nota:

- Ijazah Geologi yang tidak diiktiraf oleh BoG hendaklah ditingkatkan dengan Ijazah sarjana/Phd dalam bidang geologi dari Universiti yang diiktiraf.
- Semua salinan dokumen yang dikemukakan boleh disahkan oleh Pegawai Kerajaan / Pesuruhjaya Sumpah / Ketua Unit Sumber Manusia tempat bertugas / Pendaftar Lembaga. Pegawai yang mengesahkan salinan dokumen, selain dari tandatangan perlu juga nyatakan nama dan jawatan. Hanya permohonan yang lengkap akan diuruskan pendaftaran dalam tempoh 90 hari.
- Semua permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pendaftar  
Lembaga Ahli Geologi Malaysia  
d/a Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia  
Aras 8, Menara PJH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia.

**(d) Proses Penilaian**

- (i) Proses penilaian teknikal permohonan bermula apabila fi proses permohonan telah dibayar.
- (ii) Semakan permohonan dibuat terhadap maklumat yang diisi dan kelayakan akademik pemohon oleh pejabat pendaftar. Sekiranya maklumat yang diisi tidak lengkap atau terdapat kesilapan, pemohon akan dihubungi untuk melengkapannya atau membuat pembetulan.
- (iii) Kelayakan akademik disemak sama ada ijazah yang diterima diiktiraf atau ‘accredited’.
- (iv) Apabila proses semakan permohonan telah siap dan didapati maklumat yang dinyatakan adalah lengkap dan disertakan bukti dokumen yang dikehendaki, permohonan tersebut disenaraikan oleh Pendaftar.
- (v) Senarai cadangan Pendaftar dikemukakan kepada JHKK yang akan menilai dan meneliti permohonan khususnya bagi permohonan yang mempunyai isu tertentu.
- (vi) JHKK kemudiannya akan membuat penilaian teknikal serta membuat pengesyoran pertimbangan kepada Lembaga.
- (vii) Keputusan kelulusan dan syarat yang mungkin dikenakan akan dimuktamadkan oleh Lembaga.

**11. PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI ASING BERDAFTAR**

**(a) Keperluan**

Seseorang ahli geologi asing yang bekerja dalam bidang geologi di Malaysia boleh didaftarkan sebagai ahli geologi asing berdaftar jika dia memuaskan hati Lembaga dari segi kelayakan dan kepakaran.

**(b) Cara Memohon**

- (i) Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang E (seperti di Lampiran) yang diisi dengan lengkap. Borang E boleh didapati dari pejabat Pendaftar atau dimuat turun dari laman web Lembaga.
- (ii) Sertakan gambar saiz passport terkini.

- (iii) Salinan ijazah bidang geologi atau setara yang disahkan. Ijazah dari luar negara yang menggunakan bahasa ibunda (selain bahasa inggeris) hendaklah disertakan terjemahan.
- (iv) Salinan transkrip akademik yang disahkan, jika diperlukan. Salinan mestilah yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.
- (v) Salinan pasport (sila palangkan “Untuk Kegunaan BoG” Sahaja).
- (vi) Bayaran proses pendaftaran sebanyak RM50.00. Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran tersebut tidak akan diproses. Bayaran boleh dibuat secara tunai / atas talian / wang pos / kiriman wang / draf bank / cek / ATM, atas nama Lembaga Ahli Geologi. Sila sertakan slip bank sebagai bukti pembayaran dan untuk kemudahan semakan.

Nota:

- Semua salinan dokumen yang dikemukakan boleh disahkan oleh Pegawai Kerajaan / Pesuruhjaya Sumpah / Ketua Unit Sumber Manusia tempat bertugas / Pendaftar Lembaga. Pegawai yang mengesahkan salinan dokumen, selain dari tandatangan perlu juga nyatakan nama dan jawatan.
- Hanya permohonan yang lengkap akan diuruskan pendaftaran dalam tempoh 90 hari.
- Semua permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pendaftar  
Lembaga Ahli Geologi Malaysia  
d/a Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia  
Aras 8, Menara PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia.

### **(c) Proses Penilaian**

- (i) Proses penilaian permohonan bermula apabila permohonan yang dikemukakan adalah lengkap, termasuk bayaran fi proses.
- (ii) Semakan permohonan dibuat terhadap keperluan maklumat yang diisi dan kelayakan akademik pemohon. Sekiranya pemohon tertinggal atau tersilap isi maklumat, pemohon akan dihubungi untuk melengkapannya atau membuat pembetulan.

- (iii) Semakan dibuat terhadap kelayakan yang dimiliki pemohon yang perlu diiktiraf dalam amalan geologi sebagai seorang ahli geologi professional dalam negara tempat dia biasa menjalankan amalan, serta memiliki kepakaran yang diperlukan.
- (iv) Apabila permohonan telah siap disemak dan memenuhi kriteria, permohonan disenaraikan untuk pertimbangan JHKK dan seterusnya kepada Lembaga untuk pengesyoran kelulusan pendaftaran.


## 12. LAMPIRAN


SOP ini mengandungi borang dan sijil perakuan lampiran, berikut:

- (a) Lampiran
  - (i) Lampiran 1 - Carta Alir Permohonan Pendaftaran Ahli Geologi
  - (ii) Lampiran 2 - Jadual pertama: borang dan perakuan pendaftaran.
  - (iii) Lampiran 3 - Jadual Kedua Fi.
  - (iv) Lampiran 4 - Senarai semak permohonan.
  - (v) Lampiran 5 - Format senarai permohonan baru.
- (b) Borang Permohonan:
  - (i) Borang A - Pendaftaran Sebagai Ahli Geologi Siswazah Berdaftar
  - (ii) Borang B - Pendaftaran Sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar
  - (iii) Borang C - Pendaftaran Sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta – tidak lagi digunakan
  - (iv) Borang D - Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar – tidak lagi digunakan
  - (v) Borang E - Pendaftaran Sebagai Ahli Geologi Asing Berdaftar / Registration as a Registered Foreign Geologist
  - (vi) Borang F - Pembaharuan Perakuan Pendaftaran
  - (vii) Borang G - Pemberitahuan Kemasukan Semula
  - (viii) Borang H - Kemasukan Semula [subperaturan 4(2)] di bawah subseksyen 35(3) Akta

- (ix) Borang I - Kemasukan Semula [subperaturan 4(3)] di bawah subseksyen 35(4) Akta
  - (x) Borang J - Menduduki Peperiksaan Penilaian Profesional
- (c) Sijil Perakuan:
- (i) Borang A - Perakuan Pendaftaran Ahli Geologi Siswazah Berdaftar
  - (ii) Borang B - Perakuan Pendaftaran Ahli Geologi Profesional Berdaftar
  - (iii) Borang C - Perakuan Pendaftaran Pengamal Berdaftar
  - (iv) Form D - Certificate of Registration for Registered Foreign Geologist

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI**





- (i) **Jika permohonan pendaftaran diluluskan**  
Pemohon perlu bayar fi pendaftaran mengikut kategori daftar.
- (j) **Maklumat permohonan**  
Hendaklah didaftar dalam databases sistem BoGMIS dan juga dalam buku Daftar Ahli Geologi.
- (k) **Keluarkan resit bayaran fi daftar.**  
Seterusnya sediakan sijil Perakuan Pendaftaran dan dokumen berkaitan untuk dihantar kepada pemohon yang telah didaftarkan itu. Tiap Perakuan Pendaftaran hendaklah tamat tempoh pada 31 Disember tahun dikeluarkan.
- (l) **Simpanan dokumen**  
Segala dokumen berkaitan permohonan pendaftaran hendaklah disimpan dalam fail peribadi pemohon.

Urusan permohonan pendaftaran selesai

**LAMPIRAN 2****JADUAL PERTAMA: BORANG DAN PERAKUAN PENDAFTARAN**

No.	Borang	Perihalan	Peraturan
1	Borang A	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi siswazah berdaftar	Perenggan 2 (1)(a)
2	Borang B	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi profesional berdaftar	Perenggan 2 (1)(b)
3	Borang C	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta <i>( Tidak lagi terpakai )</i>	Perenggan 2 (1)(c)
4	Borang D	Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar <i>( Tidak lagi terpakai )</i>	Perenggan 2 (1)(d)
5	Borang E	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi asing berdaftar / <i>registration as a registered foreign geologist</i>	Perenggan 2 (1)(e)
6	Borang F	Permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran	Subperaturan 3(2)
7	Borang G	Permohonan pemberitahuan kemasukan semula	Subperaturan 4(1)
8	Borang H	Permohonan kemasukan semula	Subperaturan 4(2)
9	Borang I	Permohonan kemasukan semula	Subperaturan 4(3)
10	Borang J	Permohonan menduduki peperiksaan penilaian profesional	Peraturan 6

**LAMPIRAN 3**

**JADUAL KEDUA: FI**

No	Perihalan	Peraturan	Fi (RM)
1	Fi pemprosesan untuk tiap-tiap permohonan pendaftaran	Subperaturan 2(1)	50.00
2	Fi pendaftaran (a) sebagai ahli geologi siswazah berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta	Subperaturan (2)(2)	50.00
	(b) sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(a) Akta		300.00
	(c) sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(b) Akta		300.00
	(d) sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta		300.00
	(e) sebagai pengamal berdaftar di bawah subseksyen 20(3) Akta		300.00
	(f) sebagai ahli geologi asing berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta		1,000.00
3	Fi pembaharuan perakuan pendaftaran (a) bagi ahli geologi siswazah berdaftar	Subperaturan (3)(2)	50.00
	(b) bagi ahli geologi professional berdaftar		200.00
	(c) bagi pengamal berdaftar		200.00
	(d) bagi ahli geologi asing berdaftar		1,000.00
4	Fi kemasukan semula (a) Pemberitahuan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(2) Akta	Subperaturan (4)(1)	500.00
	(b) Permohonan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(3) dan (4) Akta	Subperaturan (4)(4)	500.00
5.	Fi permohonan untuk Peperiksaan Penilaian Profesional	Peraturan 6	200.00

## LAMPIRAN 4

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN

Bil	Dokumen	Keterangan	Siswazah	Profesional	Asing
1	Borang permohonan	Borang A/B/E mana yang berkaitan	A	B	E
2	Salinan Kad Pengenalan / Pasport	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sila palangkan “UNTUK KEGUNAAN BoG SAHAJA” /atau “FOR BoG USE ONLY”</li> <li>• Salinan mestilah disahkan oleh ahli geologi professional berdaftar.</li> </ul>	/	/	/
3	Gambar	Saiz pasport	/	/	/
4	RM50.00 - Bayaran Proses Pendaftaran. <b>Pilihan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• RM15.00 - Kos penghantaran sijil melalui perkhidmatan kurier. Jika tidak, sijil akan dihantar secara pos biasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan yang tidak disertakan bayaran tidak akan diambil tindakan.</li> <li>• Bayaran secara tunai di pejabat berdaftar Lembaga, melalui kiriman wang, draf bank atau cek atas nama Lembaga, atau secara atas talian.</li> </ul>	/	/	/
5	Salinan Ijazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah dari universiti tempatan hendaklah dikemukakan dalam Bahasa Malaysia.</li> <li>• Ijazah dari luar negara yang menggunakan bahasa ibunda (selain Bahasa Inggeris) hendaklah disertakan terjemahan yang dikeluarkan oleh universiti berkenaan.</li> </ul>	/	/	/
6	Salinan <i>“Full transcript of Academic Record”</i> atau <i>“Detail of Course”</i> dan <i>“Subjects Taken”</i> .	Salinan mestilah yang dikeluarkan oleh pihak universiti.	/	/	/

<b>Bil</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Siswazah</b>	<b>Profesional</b>	<b>Asing</b>
7	Pengalaman praktikal			/	/
8	Keputusan peperiksaan Penilaian Profesional			/	
9	Bukti pendaftaran dengan Lembaga yang setara di luar negara				/

LAMPIRAN 5

## **SENARAI PERMOHONAN BARU UNTUK PERTIMBANGAN JAWATANKUASA/LEMBAGA BERTARIKH .....**

**LAMPIRAN****BORANG A**

AKTA PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI 2008  
PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI 2015  
(Peraturan 2)  
PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI SISWAZAH  
(*Hendaklah diisikan oleh Pemohon dalam HURUF CERAJ*)

Kepada:  
Pendaftar,  
Lembaga Geologi Malaysia

Saya, yang bertandatangan di bawah ini, memohon untuk didaftarkan sebagai seorang Ahli Geologi Siswazah dan maklumat diri saya seperti yang berikut:

1	Nama	
2	Kad Pengenalan /Pasport	No.  Tempat dan Tarikh Dikeluarkan
3	Jantina	
4	Tarikh Lahir	
5	Tempat Lahir	
6	Bangsa	
7	Kewarganegaraan	
8	Alamat Urusan Biasa:	
9	Alamat Pos ( <i>jika lain daripada yang di atas</i>	
10	No. Tel./ No. Faks	
	E-mel:	
11	Kelulusan Akademik:	
12	Kelulusan/Latihan Profesional, jika ada:	

Saya bersetuju untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Pendaftaran Ahli Geologi 2015, termasuk tata kelakuan Profesional.

---

(*Tandatangan Pemohon*)

Tarikh: .....

---

**PENALTI**

Seksyen 39 Akta Ahli Geologi 2008: memperoleh atau cuba untuk memperoleh pendaftaran atau perakuan pendaftaran di bawah Akta ini dengan secara sedar membuat atau menghasilkan atau menyebabkan supaya dibuat atau dihasilkan apa-apa akuan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau tipuan sama ada secara bertulis atau selainnya; melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**SISWAZAH (BORANG A)****SENARAI SEMAKAN PENDAFTARAN**

(sila kembalikan bersama borang permohonan)

Semua petak Pemohon yang berikut MESTI ditandakan dengan (✓) jika berkenaan dan (X) jika tidak berkenaan.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pemohon</b>	<b>Untuk kegunaan pejabat</b>
1	Bayaran proses pendaftaran sebanyak RM50.00.		
2	Borang A yang telah lengkap diisi.		
3	Salinan kad pengenalan		
4	Salinan ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti		
5	Salinan transkrip penuh ( <i>full transcripts</i> ) atau kandungan kursus ( <i>course content</i> ) dari tahun pertama hingga tahun akhir.		
6	Semua salinan yang dikemukakan telah disahkan oleh seorang Ahli Geologi Profesional Berdaftar dengan Lembaga		
7	Catatan / Lain-lain kenyataan		

**LAMPIRAN**

**JADUAL KETIGA**

**[Peraturan 3]**

**BORANG A**

**AKTA AHLI GEOLOGI 2008**

**PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI)  
2015**

**PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI SISWAZAH  
BERDAFTAR**

**No. Perakuan:** .....

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

**ADALAH DISAHKAN BAHAWA:**

**Nama:** .....

**No. Pendaftaran :** .....

**(Alamat)**

.....  
.....  
.....

telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini  
didaftarkan sebagai AHLI GEOLOGI SISWAZAH BERDAFTAR.

.....  
**Pengerusi**

.....  
**Pendaftar**

**Meterai Lembaga**

**Perakuan ini luput pada 31 Disember .....**

**Tarikh dikeluarkan: .....**

**LAMPIRAN**

**BORANG B**

**AKTA AHLI GEOLOGI 2008**

**PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI)  
2015**

**PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI PROFESIONAL  
BERDAFTAR**

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

**ADALAH DISAHKAN BAHAWA:**

**Nama: .....**

**No. Pendaftaran : .....**

**(Alamat)**

.....  
.....  
.....

**telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini  
didaftarkan sebagai AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR.**

.....  
**Pengerusi**

.....  
**Pendaftar**

**Meterai Lembaga**

**Perakuan ini luput pada 31 Disember .....**

**Tarikh dikeluarkan: .....**

**LAMPIRAN**

**BORANG C**

**AKTA AHLI GEOLOGI 2008**

**PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI)  
2015**

**PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL BERDAFTAR**

**No. Perakuan:** .....

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

**ADALAH DISAHKAN BAHAWA:**

**Nama:** .....

**No. Pendaftaran :** .....

**(Alamat)**

.....  
.....  
.....

**telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini  
daftar sebagai AHLI GEOLOGI SISWAZAH BERDAFTAR.**

.....  
.....

**Pengerusi**

**Pendaftar**

**Meterai Lembaga**

**Perakuan ini luput pada 31 Disember .....**

**Tarikh dikeluarkan: .....**

BORANG D

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI)  
2015

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI ASING BERDAFTAR

No. Perakuan: .....

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

ADALAH DISAHKAN BAHAWA:

Nama: .....

No. Pendaftaran : .....

(Alamat)

.....  
.....  
.....  
.....

telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini  
didaftarkan sebagai AHLI GEOLOGI ASING BERDAFTAR.

.....  
Pengerusi

.....  
Pendaftar

Meterai Lembaga

Perakuan ini luput pada 31 Disember .....

Tarikh dikeluarkan: .....